

Nordin dilantik Naib Canselor UUM

UM 30/6/2005 8:1

KUALA LUMPUR
29 Jun — Ketua Pengarah Biro Tatanegara (BTN) Datuk Dr. Nordin Kardi hari ini diumumkan sebagai Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) yang baru berkuat kuasa 16 Jun lalu.

Beliau akan memegang jawatan itu untuk tempoh lima tahun.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Shafie Salleh ketika mengumumkan perkara berkata, pelantikan Nordin adalah berdasarkan keputusan Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan untuk mencari calon ba-

gi mengisi jawatan itu. "Kita sudah buat keputusan, Naib Canselor UUM yang baru ialah Datuk Dr. Nordin Kardi," katanya ketika ditemui selepas lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke Institut Integrasi Malaysia (IIM) di sini hari ini.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan beberapa menteri Kabinet.

Pelantikan Nordin itu sekali gus mengakhiri tanda tanya siapa yang akan mengisi jawatan Naib Canselor UUM

yang kosong berikutan kematian Datuk Prof. Ahmad Fawzi Mohd. Basri pada 23 Mei lalu akibat serangan jantung.

Sementara itu, Kementerian Pengajian Tinggi dalam kenyataan berkata, Nordin mempunyai pengalaman luas dalam bidang pendidikan termasuk pernah menjawab jawatan pensyarah di Universiti Putra Malaysia (UPM) selama lebih 20 tahun.

Selain itu, beliau juga pernah berkhidmat sebagai kaunselor pelajar, pengetua kolej kediam-

an, timbalan dekan dan ahli senat di universiti tersebut.

Beliau yang telah menyandang jawatan Ketua Pengarah BTN selama tujuh tahun juga pernah menjadi pegawai khas Naib Canselor UPM ketika itu, Tan Sri Rashdan Baba.

Kenyataan itu memberitahu, dengan pengalaman luas mengenai pendidikan tinggi, beliau pernah dipinjamkan ke Lembaga Akreditasi Negara (LAN) sebagai antara pegawai kanan awal untuk membangunkan LAN pada 1996.

Nordin juga merupa-



DR. NORDIN KARDI

kan antara pengasas program akreditasi Sains Sosial.

um/4448/um/30.6.2005/p:8(c)